

Bil. S 29

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH TIMBANGTARA ANTARABANGSA, 2009

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

BAHAGIAN II

TIMBANGTARA KOMERSIL ANTARABANGSA

2. Tafsiran Bahagian II.
3. Undang-Undang Model hendaklah mempunyai kuatkuasa undang-undang.
4. Tafsiran Undang-Undang Model dengan menggunakan bahan luar.
5. Pengenaaan Bahagian II.
6. Penguatkuasaan perjanjian timbangtara antarabangsa.
7. Kuasa mahkamah ke atas penangguhan prosiding.
8. Pihak berkuasa ditentukan bagi maksud-maksud Perkara 6 dari Undang-Undang Model.
9. Pengenaaan Penggal 14.
10. Bilangan penimbangtara bagi maksud-maksud Perkara 10(2) dari Undang-Undang Model.
11. Gagal melantik penimbangtara.
12. Rayuan di bawah Perkara 16(3) dari Undang-Undang Model.

13. Dasar awam dan kebolehtimbangtaraan.
14. Merujuk isu interplider kepada timbangtara.
15. Kuasa tribunal timbangtara.
16. Syarat-syarat bagi membenarkan langkah interim.
17. Permohonan bagi perintah permulaan dan syarat-syarat bagi membenarkan perintah permulaan.
18. Regim tertentu bagi perintah permulaan.
19. Pengubahsuaian, penggantungan atau penamatan.
20. Pemberian jaminan.
21. Pendedahan.
22. Kos dan gantirugi.
23. Saksi-saksi boleh dipanggil dengan sepina.
24. Undang-undang timbangtara selain dari Undang-Undang Model.
25. Pengeunaan aturan-aturan timbangtara.
26. Lantikan pendamai.
27. Kuasa penimbangtara untuk bertindak sebagai pendamai.
28. Award dengan persetujuan.
29. Penguatkuasaan award.
30. Award dibuat mengenai isu-isu yang berlainan.
31. Kesan award.
32. Faedah ke atas award.
33. Penetapan kos.
34. Prosiding hendaklah didengar kecuali dalam mahkamah terbuka.
35. Sekatan ke atas membuat laporan prosiding yang didengar kecuali dalam mahkamah terbuka.

36. Mahkamah boleh mengetepikan award.
37. Liabiliti penimbangtara.
38. Kekebalan pihak berkuasa yang melantik dan institusi timbangtara dll.
39. Peruntukan-peruntukan peralihan bagi Bahagian ini.

BAHAGIAN III

AWARD ASING

40. Tafsiran Bahagian III.
41. Pengenaaan Bahagian III.
42. Pengiktirafan dan penguatkuasaan award asing.
43. Keterangan.
44. Penolakan penguatkuasaan.
45. Negara Konvensyen.
46. Penguatkuasaan award di bawah peruntukan-peruntukan lain undang-undang.

BAHAGIAN IV

AM

47. Kerajaan hendaklah terikat.
48. Aturan-Aturan Mahkamah.
49. Kuasa yang membolehkan.

**JADUAL PERTAMA — UNCITRAL MODEL LAW ON INTERNATIONAL
COMMERCIAL ARBITRATION**

**JADUAL KEDUA — CONVENTION ON THE RECOGNITION AND
ENFORCEMENT OF FOREIGN ARBITRAL AWARDS
CONCLUDED AT NEW YORK ON 10TH JUNE, 1958**

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH TIMBANGTARA ANTARABANGSA, 2009

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Timbangtara Antarabangsa, 2009 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Timbangtara, 2009.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk membuat peruntukan bagi pembaharuan undang-undang berkenaan dengan timbangtara antarabangsa, pengiktirafan dan penguatkuasaan award timbangtara dan bagi perkara-perkara berkenaan dengannya".

BAHAGIAN II

TIMBANGTARA KOMERSIL ANTARABANGSA

Tafsiran Bahagian II.

2. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"tribunal timbangtara" bermakna penimbangtara tunggal, suatu panel penimbangtara atau suatu institusi timbangtara tetap;

"pihak berkuasa yang melantik" bermakna pihak berkuasa yang ditetapkan di bawah bab 8(2) atau (3);

"perjanjian timbangtara" bermakna suatu perjanjian bertulis yang disebut dalam Perkara 7 dari Undang-Undang Model dan termasuk suatu perjanjian yang dianggap atau terjadi di bawah cerai-ceraian (3) atau (4);

"award" bermakna suatu keputusan tribunal timbangtara mengenai isi hal pertikaian dan termasuk apa-apa award interim, interlokutori atau sebahagian, tetapi tidak termasuk apa-apa perintah atau arahan yang dibuat di bawah bab 15;

"Undang-Undang Model" bermakna Undang-Undang Model mengenai Timbangtara Komersil antarabangsa UNCITRAL yang diterima-pakai oleh Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa pada 21hb. Jun, 1985, naskhahnya dalam bahasa Inggeris dinyatakan dalam Jadual Pertama;

"pihak" bermakna suatu pihak dalam suatu perjanjian timbangtara atau, dalam sebarang hal jika suatu timbangtara tidak melibatkan semua pihak dalam perjanjian timbangtara itu, bermakna suatu pihak dalam timbangtara itu.

(2) Kecuali setakat mana terdapat suatu tujuan yang bertentangan, suatu perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam Bahagian ini dan juga dalam Undang-Undang Model (sama ada atau tidak suatu makna yang tertentu diberikan kepadanya oleh Undang-Undang Model) mempunyai, dalam Undang-Undang Model, makna yang sama seperti yang dipunyainya dalam Bahagian ini.

(3) Jika dalam sebarang prosiding timbangtara atau undang-undang, suatu pihak menyatakan wujudnya suatu perjanjian timbangtara dalam suatu pliding, pernyataan kes atau apa-apa dokumen lain dalam hal keadaan di mana pengataan itu meminta suatu jawapan dan pengataan itu tidak dinafikan, maka hendaklah dianggap sebagai suatu perjanjian timbangtara yang berkesan di antara pihak-pihak dalam prosiding itu.

(4) Suatu sebutan dalam suatu bil muatan kepada suatu carterparti atau sesuatu dokumen lain yang mengandungi suatu fasal timbangtara hendaklah menjadi suatu perjanjian timbangtara jika sebutan itu adalah sedemikian untuk menjadikan fasal itu sebahagian dari bil muatan itu.

Undang-Undang Model hendaklah mempunyai kuatkuasa undang-undang.

3. (1) Tertakluk kepada Perintah ini, Undang-Undang Model, kecuali Penggal VIII, hendaklah mempunyai kuatkuasa undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

(2) Dalam Undang-Undang Model —

"Negara" bermakna Negara Brunei Darussalam dan mana-mana negara atau wilayah selain dari Negara Brunei Darussalam;

"Negara ini" bermakna Negara Brunei Darussalam.

Tafsiran Undang-Undang Model dengan menggunakan bahan luar.

4. (1) Bagi maksud-maksud mentafsirkan Undang-Undang Model, rujukan boleh dibuat kepada dokumen-dokumen —

(a) Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa; dan

(b) kumpulan kerjanya bagi penyediaan Undang-Undang Model,

berkenaan dengan Undang-Undang Model.

(2) Ceraian (1) tidak menjejaskan penerapan bab 7A dari Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am (Penggagal 4) bagi maksud-maksud mentafsirkan Perintah ini.

Penerapan Bahagian II.

5. (1) Bahagian ini dan Undang-Undang Model tidak boleh dikenakan kepada suatu timbangtara yang bukan timbangtara antarabangsa melainkan jika pihak-pihak itu bersetuju secara bertulis bahawa Bahagian ini atau Undang-Undang Model hendaklah dikenakan kepada timbangtara itu.

(2) Dengan tidak menghiraukan Perkara 1(3) dari Undang-Undang Model, suatu timbangtara adalah antarabangsa jika —

(a) sekurang-kurangnya salah satu pihak dalam suatu perjanjian timbangtara, pada masa perjanjian itu dibuat, mempunyai tempat perniagaannya di mana-mana Negara selain Negara Brunei Darussalam;

(b) salah satu tempat yang berikut terletak di luar Negara di mana pihak-pihak itu mempunyai tempat perniagaan mereka —

(i) tempat timbangtara jika ditentukan dalam, atau menurut, perjanjian timbangtara itu;

(ii) mana-mana tempat di mana sebahagian besar obligasi hubungan komersil akan dilaksanakan atau tempat di mana hal-perkara pertikaian itu mempunyai kaitan yang paling rapat dengannya; atau

(c) pihak-pihak itu telah bersetuju dengan nyata bahawa hal-perkara perjanjian timbangtara itu berkaitan dengan lebih dari sebuah negara atau wilayah.

(3) Bagi maksud-maksud cerai (2) —

(a) jika suatu pihak mempunyai lebih dari sebuah tempat perniagaan, tempat perniagaan itu hendaklah tempat perniagaan yang mempunyai hubungan paling rapat dengan perjanjian timbangtara itu;

(b) jika suatu pihak tidak mempunyai suatu tempat perniagaan, suatu sebutan kepada tempat perniagaannya hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada tempat kediamannya yang lazim.

(4) Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Perintah Timbangtara, 2009, Perintah itu tidak boleh dikenakan kepada sebarang timbangtara yang dikenakan Bahagian ini.

Penguatkuasaan perjanjian timbangtara antarabangsa.

6. (1) Dengan tidak menghiraukan Perkara 8 dari Undang-Undang Model, jika mana-mana pihak dalam suatu perjanjian timbangtara yang dikenakan Perintah ini memulakan sebarang prosiding dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana pihak lain dalam perjanjian itu berkaitan dengan apa-apa perkara yang menjadi perkara perjanjian itu, mana-mana pihak dalam perjanjian itu boleh, pada bila-bila masa selepas memasukkan kehadiran dan sebelum menyerahkan sebarang pliding atau mengambil apa-apa langkah lain dalam prosiding itu, memohon kepada mahkamah itu untuk menangguhkan prosiding itu setakat mana ia berkaitan dengan perkara itu.

(2) Mahkamah yang kepadanya suatu permohonan telah dibuat menurut cerai (1) hendaklah membuat suatu perintah, atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin yang difikirkannya patut, yang menangguhkan prosiding itu setakat mana ia berkaitan dengan perkara itu, melainkan jika berpuashati bahawa perjanjian timbangtara itu tidak sah, tidak berkuatkuasa atau tidak dapat dilaksanakan.

(3) Jika sesebuah mahkamah membuat suatu perintah di bawah cerai (2), mahkamah itu boleh, bagi maksud menjaga hak pihak-pihak itu, membuat perintah interim atau tambahan sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut berkenaan dengan mana-mana harta yang menjadi perkara pertikaian yang disebut dalam perintah di bawah cerai itu.

(4) Jika tiada pihak dalam prosiding itu mengambil sebarang langkah lanjut dalam prosiding itu bagi suatu tempoh tidak kurang dari 2 tahun selepas suatu perintah yang menangguhkan prosiding itu dibuat, mahkamah itu boleh, atas usulnya sendiri, membuat suatu perintah yang menghentikan prosiding itu tanpa menjejaskan hak mana-mana pihak itu untuk memohon supaya prosiding yang dihentikan itu dihidupkan semula.

(5) Bagi maksud-maksud bab ini dan bab-bab 7 dan 14 —

(a) suatu sebutan kepada suatu pihak hendaklah termasuk suatu sebutan kepada mana-mana orang yang menuntut melalui atau di bawah pihak itu;

(b) "mahkamah" bermakna Mahkamah Tinggi, Mahkamah Perantaraan, Mahkamah Majistret atau mana-mana mahkamah lain di mana prosiding itu dimulakan.

Kuasa mahkamah ke atas penangguhan prosiding.

7. (1) Jika sesebuah mahkamah menangguhkan prosiding di bawah bab 6, mahkamah itu boleh, jika dalam prosiding itu harta telah ditahan atau jaminan atau jaminan lain telah diberikan untuk menghalang atau mendapatkan pelepasan dari penahanan, memerintahkan supaya —

(a) harta yang ditahan itu disimpan sebagai jaminan untuk menyelesaikan apa-apa award yang dibuat ke atas timbangtara itu; atau

(b) penangguhan itu bersyarat atas pemberian jaminan yang sama untuk menyelesaikan apa-apa award tersebut.

(2) Tertakluk kepada Aturan-Aturan Mahkamah dan sebarang pengubahsuaian yang perlu, undang-undang dan amalan yang sama hendaklah dikenakan berhubung dengan harta yang disimpan menurut suatu perintah di bawah bab ini yang akan dikenakan jika ia dipegang bagi maksud-maksud prosiding dalam mahkamah yang membuat perintah itu.

Pihak berkuasa ditentukan bagi maksud-maksud Perkara 6 dari Undang-Undang Model.

8. (1) Mahkamah Tinggi hendaklah dianggap sebagai telah ditentukan dalam Perkara 6 dari Undang-Undang Model sebagai sebuah mahkamah yang layak melaksanakan tugas-tugas yang disebut dalam Perkara itu, kecuali bagi Perkara-Perkara 11(3) dan (4) dari Undang-Undang Model.

(2) Presiden Persatuan Timbangtara Negara Brunei Darussalam hendaklah dianggap sebagai telah ditentukan sebagai pihak berkuasa yang layak melaksanakan tugas-tugas di bawah Perkara-Perkara 11(3) dan (4) dari Undang-Undang Model dan dia hendaklah hanya memilih seorang penimbangtara daripada panel penimbangtara yang diselenggarakan oleh Persatuan Timbangtara Negara Brunei Darussalam.

(3) Ketua Hakim boleh, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, melantik mana-mana orang lain untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah cerai (2).

Pengenaan Penggal 14.

9. (1) Akta Had Masa (Penggal 14) hendaklah dikenakan kepada prosiding timbangtara sebagaimana ia dikenakan kepada prosiding di hadapan mana-mana mahkamah dan suatu sebutan dalam Akta itu kepada permulaan apa-apa tindakan hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada permulaan prosiding timbangtara.

(2) Mahkamah Tinggi boleh memerintahkan bahawa dalam mengira masa yang ditetapkan oleh Akta Had Masa bagi permulaan prosiding (termasuk prosiding timbangtara) berkaitan dengan suatu pertikaian yang menjadi hal-perkara —

(a) suatu award yang Mahkamah Tinggi memerintakkannya untuk diketepikan atau mengisytiharkannya sebagai tidak mempunyai kuatkuasa; atau

(b) bahagian suatu award yang terjejas yang Mahkamah Tinggi memerintakkannya untuk diketepikan sebahagiannya atau mengisytiharkannya sebagai tidak mempunyai kuatkuasa sebahagiannya,

tempoh antara permulaan timbangtara itu dan tarikh perintah yang disebut dalam perenggan-perenggan (a) atau (b) hendaklah dikecualikan.

(3) Dengan tidak menghiraukan apa-apa terma dalam suatu perjanjian timbangtara yang bermaksud bahawa tiada alasan tindakan boleh terakru berkaitan dengan apa-apa perkara yang dikehendaki oleh perjanjian itu untuk dirujukkan sehingga suatu award dibuat di bawah perjanjian itu, alasan tindakan itu hendaklah, bagi maksud-maksud Akta Had Masa (Penggal 14), dianggap telah terakru berkaitan dengan apa-apa perkara tersebut pada masa apabila ia sepatutnya terakru jika tidak kerana terma tersebut dalam perjanjian itu.

Bilangan penimbangtara bagi maksud-maksud Perkara 10(2) dari Undang-Undang Model.

10. Dengan tidak menghiraukan Perkara 10(2) dari Undang-Undang Model, jika bilangan penimbangtara tidak ditentukan oleh pihak-pihak itu, maka hendaklah ada penimbangtara tunggal.

Gagal melantik penimbangtara.

11. (1) Dengan tidak menghiraukan Perkara 11(3) dari Undang-Undang Model, dalam suatu timbangtara dengan 3 orang penimbangtara, tiap-tiap pihak hendaklah melantik seorang penimbangtara, dan pihak-pihak itu hendaklah dengan persetujuan melantik penimbangtara ketiga.

(2) Jika pihak-pihak itu tidak bersetuju mengenai lantikan penimbangtara ketiga dalam masa 30 hari dari menerima permintaan pertama oleh salah satu pihak untuk berbuat demikian, lantikan itu hendaklah dibuat, atas permintaan mana-mana pihak, oleh pihak berkuasa yang melantik.

Rayuan di bawah Perkara 16(3) dari Undang-Undang Model.

12. (1) Dengan tidak menghiraukan Perkara 16(3) dari Undang-Undang Model, suatu rayuan dari suatu keputusan Mahkamah Tinggi yang dibuat di bawah Perkara 16(3) dari Undang-Undang Model hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Rayuan hanya dengan kebenaran Mahkamah Tinggi.

(2) Tidaklah ada rayuan terhadap keengganan Mahkamah Tinggi untuk memberi kebenaran.

Dasar awam dan kebolehtimbangtaraan.

13. (1) Sebarang pertikaian yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak itu untuk dikemukakan kepada timbangtara di bawah suatu perjanjian timbangtara boleh diputuskan dengan timbangtara melainkan jika bertentangan dengan dasar awam untuk berbuat demikian.

(2) Hakikat bahawa sebarang undang-undang bertulis memberikan bidang kuasa berkaitan dengan apa-apa perkara kepada mana-mana mahkamah tetapi tidak menyebut mengenai pemutusan perkara itu dengan timbangtara tidak boleh, dengan sendirinya, menunjukkan bahawa suatu pertikaian tentang perkara itu tidak dapat diputuskan dengan timbangtara.

Merujukkan isu interplider kepada timbangtara.

14. Jika dalam prosiding di hadapan mana-mana mahkamah pelepasan dengan cara interplider diberikan dan apa-apa isu di antara pihak-pihak menuntut adalah isu yang berkaitan dengannya terdapat suatu perjanjian timbangtara di antara mereka, maka mahkamah yang memberi pelepasan itu boleh mengarahkan supaya isu di antara pihak-pihak menuntut diputuskan menurut perjanjian itu.

Kuasa tribunal timbangtara.

15. (1) Tanpa menjejaskan kuasa-kuasa yang dinyatakan dalam sebarang peruntukan lain Perintah ini dan dalam Undang-Undang Model, suatu tribunal timbangtara hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat perintah atau memberi arahan kepada mana-mana pihak bagi —

(a) jaminan kos;

(b) penzahiran dokumen dan interogatori;

(c) pemberian keterangan dengan afidavit;

(d) penyimpanan, penjagaan interim atau penjualan apa-apa harta yang merupakan atau menjadi sebahagian dari hal-perkara pertikaian;

(e) sampel diambil dari, atau apa-apa pemerhatian dibuat atau eksperimen dijalankan ke atas, apa-apa harta yang merupakan atau menjadi sebahagian dari hal-perkara pertikaian;

(f) penyimpanan dan penjagaan interim apa-apa keterangan bagi maksud-maksud prosiding;

(g) menjamin amaun yang dipertikaikan;

(h) memastikan bahawa apa-apa award yang mungkin dibuat dalam prosiding timbangtara tidak dijadikan tidak berkuatkuasa melalui pelepasan aset oleh suatu pihak; dan

(i) suatu injunksi interim atau apa-apa langkah interim yang lain.

(2) Suatu tribunal timbangtara hendaklah, melainkan jika pihak-pihak dalam suatu perjanjian timbangtara telah bersetuju sebaliknya (sama ada dalam perjanjian timbangtara itu atau dalam sebarang dokumen bertulis yang lain), mempunyai kuasa untuk mentadbirkan sumpah kepada pihak-pihak dan saksi-saksi itu.

(3) Suatu tribunal timbangtara hendaklah, melainkan jika pihak-pihak dalam suatu perjanjian timbangtara telah bersetuju sebaliknya (sama ada dalam perjanjian timbangtara itu atau dalam sebarang dokumen bertulis yang lain), mempunyai kuasa untuk menerima-pakai proses-proses penyiasatan jika difikirkannya patut.

(4) Kuasa tribunal timbangtara untuk memerintahkan supaya pihak menuntut memberi jaminan kos yang disebut dalam cerai (1)(a) tidak boleh dijalankan hanya kerana pihak menuntut adalah —

(a) seorang individu yang biasanya bermastautin di luar Negara Brunei Darussalam; atau

(b) suatu perbadanan atau persatuan yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah undang-undang sesebuah negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam, atau yang pengurusan dan kawalan pusatnya dijalankan di luar Negara Brunei Darussalam.

(5) Tanpa menjejaskan penganan Perkara 28 dari Undang-Undang Model, suatu tribunal timbangtara, dalam memutuskan pertikaian yang menjadi perkara prosiding timbangtara –

(a) boleh mengaward apa-apa remedi atau pelepasan yang mungkin telah diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi jika pertikaian itu adalah perkara prosiding sivil dalam Mahkamah itu;

(b) boleh mengaward faedah (termasuk faedah berdasarkan kompaun) atas keseluruhan atau mana-mana bahagian dari sebarang jumlah wang yang –

(i) diaward kepada mana-mana pihak, bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian tempoh sehingga tarikh award itu; atau

(ii) menjadi isu dalam prosiding timbangtara tetapi dibayar sebelum tarikh award itu, bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian tempoh sehingga tarikh pembayaran.

(6) Semua perintah atau arahan yang dibuat atau diberikan oleh suatu tribunal timbangtara semasa menjalankan suatu timbangtara boleh dikuatkuasakan, dengan kebenaran Mahkamah Tinggi, mengikut cara yang sama seolah-olah ia adalah perintah yang dibuat oleh sesebuah mahkamah dan, jika kebenaran diberikan demikian, penghakiman boleh dicatatkan atas terma-terma perintah atau arahan itu.

(7) Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai, bagi maksud dan berkenaan dengan suatu timbangtara yang dikenakan Bahagian, kuasa yang sama untuk membuat perintah berkaitan dengan apa-apa perkara yang dinyatakan dalam cerai (1) seperti yang dipunyainya bagi maksud dan berkenaan dengan suatu tindakan atau perkara dalam sesebuah mahkamah.

(8) Bagi maksud bab ini dan bab 16, "langkah interim" bermakna sebarang langkah sementara, sama ada dalam bentuk suatu award atau dalam bentuk lain, di mana, pada bila-bila masa sebelum pengeluaran award itu di mana pertikaian itu akhirnya diputuskan, tribunal timbangtara memerintahkan supaya suatu pihak –

(a) mengekalkan atau memulihkan *status quo* sementara menunggu pertikaian itu diputuskan;

(b) mengambil tindakan yang akan menghalang, atau tidak mengambil tindakan yang mungkin mendatangkan, kerosakan sekarang ini atau kerosakan yang akan berlaku atau menjejaskan prosiding timbangtara itu sendiri;

(c) menyediakan cara untuk menyimpan aset yang darinya suatu award yang kemudiannya boleh diselesaikan; atau

(d) menyimpan keterangan yang mungkin berkaitan dan penting dalam penyelesaian pertikaian itu.

Syarat-syarat bagi membenarkan langkah interim.

16. (1) Pihak yang meminta suatu langkah interim di bawah bab-bab 15(8)(a), (b) dan (c) hendaklah memuaskan hati tribunal timbangtara bahawa —

(a) kerosakan yang tidak dapat diganti dengan secukupnya dengan suatu award gantirugi mungkin berlaku jika langkah itu tidak diperintahkan, dan kerosakan tersebut sebahagian besarnya melebihi kerosakan yang mungkin berlaku kepada pihak yang terhadapnya langkah itu diarahkan jika langkah itu dibenarkan; dan

(b) terdapat kemungkinan yang munasabah bahawa pihak yang meminta akan berjaya mengikut merit tuntutan itu. Keputusan kemungkinan ini tidaklah menjejaskan budibicara tribunal timbangtara dalam membuat sebarang keputusan yang kemudiannya.

(2) Berhubung dengan suatu permintaan bagi suatu langkah interim di bawah bab 15(8)(d), kehendak-kehendak dalam bab-bab 15(8)(a) dan (b) hendaklah dikenakan hanya setakat yang dianggap bersesuaian oleh tribunal timbangtara.

Permohonan bagi perintah permulaan dan syarat-syarat bagi membenarkan perintah permulaan.

17. (1) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, suatu pihak boleh, tanpa notis kepada mana-mana pihak lain, membuat suatu permintaan bagi suatu langkah interim berserta dengan suatu permohonan bagi suatu perintah permulaan yang mengarahkan suatu pihak supaya tidak menggagalkan tujuan langkah interim yang diminta itu.

(2) Tribunal timbangtara boleh membenarkan suatu perintah permulaan dengan syarat ia menganggap bahawa pendedahan awal permintaan bagi langkah interim itu kepada pihak yang terhadapnya ia diarahkan berisiko menggagalkan tujuan langkah itu.

(3) Syarat-syarat yang ditakrifkan di bawah bab 16(1) dikenakan kepada sebarang perintah permulaan, dengan syarat bahawa kerosakan yang akan ditaksir di bawah perenggan (a) cerai itu, adalah kerosakan yang mungkin berlaku dari perintah yang dibenarkan itu atau tidak.

Rejim tertentu bagi perintah permulaan.

18. (1) Sejurus selepas tribunal timbangtara membuat suatu keputusan berkaitan dengan suatu permohonan bagi suatu perintah permulaan, ia hendaklah memberi notis kepada semua pihak mengenai permintaan bagi langkah interim, permohonan bagi perintah permulaan itu, perintah permulaan, jika ada, dan semua perhubungan lain, termasuk dengan menyatakan isi kandungan apa-apa perhubungan lisan, di antara mana-mana pihak dan tribunal timbangtara berkenaan dengannya.

(2) Pada masa yang sama, tribunal timbangtara hendaklah memberi peluang kepada mana-mana pihak yang terhadapnya suatu perintah permulaan diarahkan untuk mengemukakan kesnya pada masa seawal-awalnya yang boleh.

(3) Tribunal timbangtara hendaklah memutuskan dengan segera mengenai sebarang bantahan terhadap perintah permulaan itu.

(4) Suatu perintah permulaan hendaklah tamat tempohnya selepas 20 hari dari tarikh ia dikeluarkan oleh tribunal timbangtara. Walau bagaimanapun, tribunal timbangtara boleh mengeluarkan suatu langkah interim yang menerimapakai atau mengubahsuai perintah permulaan itu, selepas pihak yang terhadapnya perintah permulaan itu diarahkan telah diberikan notis dan peluang untuk mengemukakan kesnya.

(5) Suatu perintah permulaan hendaklah terikat kepada pihak-pihak itu tetapi tidak boleh tertakluk kepada penguatkuasaan oleh sesebuah mahkamah. Perintah permulaan tersebut tidak menjadi suatu award.

Pengubahsuaian, penggantungan atau penamatan.

19. Tribunal timbangtara boleh mengubahsuai, menggantung atau menamatkan suatu langkah interim atau suatu perintah permulaan yang telah dibenarkan olehnya, atas permohonan mana-mana pihak atau, dalam hal keadaan yang luar biasa dan atas notis terlebih dahulu kepada pihak-pihak itu, dengan daya usahanya sendiri.

Pemberian jaminan.

20. (1) Tribunal timbangtara boleh menghendaki pihak yang meminta suatu langkah interim untuk memberi jaminan yang bersesuaian berhubung dengan langkah tersebut.

(2) Tribunal timbangtara akan menghendaki pihak yang memohon bagi suatu perintah permulaan untuk memberi jaminan berhubung dengan perintah itu melainkan jika dianggapnya tidak bersesuaian atau tidak perlu berbuat demikian.

Pendedahan.

21. (1) Tribunal timbangtara boleh menghendaki mana-mana pihak untuk mendedahkan dengan segera sebarang perubahan penting dalam hal keadaan yang pada asasnya langkah itu diminta atau dibenarkan.

(2) Pihak yang memohon bagi suatu perintah permulaan hendaklah mendedahkan kepada tribunal timbangtara semua hal keadaan yang mungkin berkaitan dengan keputusan tribunal timbangtara sama ada untuk membenarkan atau mengekalkan perintah tersebut, dan kewajipan tersebut hendaklah diteruskan sehingga pihak yang terhadapnya perintah itu telah diminta ada mempunyai peluang untuk mengemukakan kesnya, dan selepas itu cerai (1) hendaklah dikenakan.

Kos dan gantirugi.

22. Pihak yang meminta suatu langkah interim atau memohon bagi suatu perintah permulaan hendaklah bertanggung bagi sebarang kos dan gantirugi yang disebabkan oleh langkah atau perintah tersebut kepada mana-mana pihak jika tribunal timbangtara memutuskan kemudiannya bahawa, dalam hal keadaan itu, langkah dan perintah itu tidak patut dibenarkan. Tribunal timbangtara boleh mengaward kos dan gantirugi pada sebarang perkara dalam masa prosiding itu.

Saksi-saksi boleh dipanggil dengan sepina.

23. (1) Mana-mana pihak dalam suatu perjanjian timbangtara boleh mengeluarkan suatu sepina untuk memberi keterangan atau untuk mengemukakan dokumen.

(2) Mahkamah Tinggi boleh memerintahkan bahawa suatu sepina untuk memberi keterangan atau untuk mengemukakan dokumen hendaklah dikeluarkan bagi memaksa kehadiran di hadapan suatu tribunal timbangtara seseorang saksi di mana sahaja saksi itu berada di dalam Negara Brunei Darussalam.

(3) Mahkamah Tinggi boleh juga mengeluarkan suatu perintah di bawah bab 32(1) dari Akta Penjara (Penggali 51) untuk membawa seseorang banduan bagi pemeriksaan di hadapan suatu tribunal timbangtara.

(4) Tiada sesiapa pun boleh dipaksa di bawah mana-mana sepina itu untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang dia tidak boleh dipaksa untuk mengemukakannya dalam perbicaraan sesuatu tindakan.

Undang-undang timbangtara selain dari Undang-Undang Model.

24. (1) Jika pihak-pihak dalam suatu perjanjian timbangtara, sama ada dibuat sebelum atau selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini, telah bersetuju dengan nyata sama ada —

(a) bahawa Undang-Undang Model atau Bahagian ini tidak boleh dikenakan kepada timbangtara; atau

(b) bahawa Perintah Timbangtara, 2009 atau Akta Timbangtara yang dimansuhkan (Penggal 173) (jika berkenaan) hendaklah dikenakan kepada timbangtara,

maka, Undang-Undang Model dan juga Bahagian ini tidak boleh dikenakan kepada timbangtara itu tetapi Perintah Timbangtara, 2009 atau Akta Timbangtara yang dimansuhkan (Penggal 173) (jika berkenaan) hendaklah dikenakan kepada timbangtara itu.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, suatu peruntukan dalam suatu perjanjian timbangtara yang menyebut atau menerima-pakai sebarang aturan timbangtara tidaklah dengan sendirinya mencukupi untuk mengecualikan penganan Undang-Undang Model atau Bahagian ini kepada timbangtara yang berkenaan.

Penganan aturan-aturan timbangtara.

25. (1) Adalah dengan ini diisytiharkan bagi mengelakkan keraguan bahawa suatu peruntukan aturan-aturan timbangtara yang dipersetujui atau diterima-pakai oleh pihak-pihak itu, sama ada dibuat sebelum atau selepas bermulanya timbangtara, hendaklah dikenakan dan dikuatkuasakan setakat mana peruntukan tersebut tidak bertentangan dengan sebarang peruntukan Undang-Undang Model atau Bahagian ini yang tidak boleh dikurangkan oleh pihak-pihak itu.

(2) Tanpa menjejaskan ceraiian (1), ceraiian-ceraiian (3) hingga (6) hendaklah dikenakan bagi maksud-maksud untuk menentukan sama ada suatu peruntukan aturan-aturan timbangtara bertentangan dengan sebarang peruntukan Undang-Undang Model atau Bahagian ini.

(3) Suatu peruntukan aturan-aturan timbangtara tidak bertentangan dengan Undang-Undang Model atau Bahagian ini hanya kerana ia mengadakan peruntukan bagi sesuatu perkara di mana Undang-Undang Model dan Bahagian ini tidak disebut.

(4) Aturan-aturan timbangtara tidak bertentangan dengan Undang-Undang Model atau Bahagian ini hanya kerana aturan-aturan itu tidak menyebut mengenai sesuatu perkara yang diliputi oleh sebarang peruntukan Undang-Undang Model atau Bahagian ini.

(5) Suatu peruntukan aturan-aturan timbangtara tidak bertentangan dengan Undang-Undang Model atau Bahagian ini hanya kerana ia mengadakan peruntukan bagi sesuatu perkara yang diliputi oleh suatu peruntukan Undang-Undang Model atau Bahagian ini yang membenarkan pihak-pihak itu untuk membuat penyusunan mereka sendiri dengan perjanjian tetapi dikenakan sekiranya perjanjian tersebut tidak ada.

(6) Pihak-pihak itu boleh membuat penyusunan yang disebut dalam cerai (5) dengan memersetujui aturan-aturan timbangtara yang dikenakan atau diterima-pakai atau dengan mengadakan apa-apa cara lain yang menurutnya sesuatu perkara itu boleh diputuskan.

(7) Dalam bab ini dan bab 24, "aturan-aturan timbangtara" bermakna aturan-aturan timbangtara yang dipersetujui atau diterima-pakai oleh pihak-pihak itu, termasuk aturan-aturan timbangtara suatu institusi atau pertubuhan.

Lantikan pendamai.

26. (1) Jika suatu perjanjian mengadakan peruntukan bagi lantikan seorang pendamai oleh seseorang yang bukan salah satu pihak itu dan orang itu enggan membuat lantikan itu atau tidak membuatnya dalam masa yang dinyatakan dalam perjanjian itu atau, jika masa tidak dinyatakan, dalam tempoh masa yang munasabah yang diminta oleh mana-mana pihak dalam perjanjian itu untuk membuat lantikan tersebut, Presiden Persatuan Timbangtara Negara Brunei Darussalam pada masa itu boleh, atas permohonan mana-mana pihak dalam perjanjian itu, melantik seorang pendamai yang akan mempunyai kuasa-kuasa yang sama untuk bertindak dalam prosiding pendamaian seolah-olah dia telah dilantik menurut terma-terma perjanjian itu.

(2) Ketua Hakim boleh, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, melantik mana-mana orang lain untuk menjalankan kuasa-kuasa Presiden Persatuan Timbangtara Negara Brunei Darussalam di bawah cerai (1).

(3) Jika suatu perjanjian timbangtara mengadakan peruntukan bagi lantikan seorang pendamai dan mengadakan peruntukan selanjutnya bahawa orang yang dilantik itu hendaklah bertindak sebagai seorang penimbangtara sekiranya prosiding pendamaian gagal menghasilkan suatu penyelesaian yang boleh diterima oleh pihak-pihak itu —

(a) tiada bantahan boleh diterima terhadap lantikan orang itu sebagai seorang penimbangtara, atau terhadap perjalanan prosiding timbangtaranya, hanya atas alasan bahawa dia telah bertindak dahulunya sebagai seorang pendamai berhubung dengan beberapa atau semua perkara yang disebut dalam timbangtara itu;

(b) jika orang itu enggan bertindak sebagai seorang penimbangtara, mana-mana orang lain yang dilantik sebagai seorang penimbangtara tidaklah dikehendaki terlebih dahulu untuk bertindak sebagai seorang pendamai melainkan jika suatu tujuan yang bertentangan terdapat dalam perjanjian timbangtara itu.

(4) Melainkan jika suatu tujuan yang bertentangan terdapat di dalamnya, suatu perjanjian yang mengadakan peruntukan bagi lantikan seorang pendamai hendaklah dianggap mengandungi suatu peruntukan bahawa sekiranya prosiding pendamaian gagal menghasilkan suatu penyelesaian yang boleh diterima oleh pihak-pihak itu dalam masa 4 bulan, atau suatu tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang mungkin dipersetujui oleh pihak-pihak itu, dari tarikh lantikan pendamai itu atau, jika dia dilantik atas nama dalam perjanjian itu, dari menerima pemberitahuan bertulis olehnya mengenai adanya suatu pertikaian, maka prosiding pendamaian itu hendaklah ditamatkan selepas itu.

(5) Bagi maksud-maksud bab ini dan bab ini 27 —

(a) sebarang sebutan kepada "pendamai" termasuk suatu sebutan kepada mana-mana orang yang bertindak sebagai seorang pengantara;

(b) sebarang sebutan kepada "prosiding pendamaian" termasuk suatu sebutan kepada prosiding pengantaraan.

Kuasa penimbangtara untuk bertindak sebagai pendamai.

27. (1) Jika semua pihak dalam sebarang prosiding timbangtara bersetuju secara bertulis dan selagi tiada pihak menarik balik persetujuannya secara bertulis, seseorang penimbangtara atau pengadil boleh bertindak sebagai seorang pendamai.

(2) Seseorang penimbangtara atau pengadil yang bertindak sebagai pendamai —

(a) boleh berhubung dengan pihak-pihak dalam prosiding timbangtara secara bersama atau berasingan; dan

(b) hendaklah menyifatkan maklumat yang diperolehi olehnya daripada suatu pihak dalam prosiding timbangtara sebagai sulit, melainkan jika pihak itu bersetuju selainnya atau melainkan jika ceraian (3) dikenakan.

(3) Jika maklumat sulit diperolehi oleh seseorang penimbangtara atau pengadil daripada suatu pihak dalam prosiding timbangtara semasa prosiding pendamaian dan prosiding itu ditamatkan tanpa pihak-pihak itu mencapai persetujuan bagi menyelesaikan pertikaian mereka, penimbangtara atau pengadil itu hendaklah sebelum menyambung semula prosiding timbangtara

mendedahkan kepada semua pihak lain dalam prosiding timbangtara seberapa banyak maklumat yang dianggapnya penting kepada prosiding timbangtara.

(4) Tiada bantahan boleh diterima terhadap perjalanan prosiding timbangtara oleh mana-mana orang semata-mata atas alasan bahawa dia telah bertindak dahulunya sebagai seorang pendamai menurut bab ini.

Award dengan persetujuan.

28. Jika pihak-pihak dalam suatu perjanjian timbangtara mencapai persetujuan bagi menyelesaikan pertikaian mereka dan tribunal timbangtara telah merekodkan terma-terma penyelesaian dalam bentuk suatu award timbangtara atas terma-terma yang dipersetujui menurut Perkara 30 dari Undang-Undang Model, award itu —

(a) hendaklah disifatkan sebagai suatu award mengenai suatu perjanjian timbangtara; dan

(b) boleh, dengan kebenaran Mahkamah Tinggi, dikuatkuasakan mengikut cara yang sama dengan suatu penghakiman atau perintah dengan kesan yang sama dan, jika kebenaran diberikan demikian, penghakiman boleh dicatatkan mengikut terma-terma award itu.

Penguatkuasaan award.

29. Suatu award mengenai suatu perjanjian timbangtara boleh, dengan kebenaran Mahkamah Tinggi, dikuatkuasakan mengikut cara yang sama dengan suatu penghakiman atau perintah dengan kesan yang sama dan, jika kebenaran diberikan demikian, penghakiman boleh dicatatkan mengikut terma-terma award itu.

Award dibuat mengenai isu-isu yang berlainan.

30. (1) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, tribunal timbangtara boleh membuat lebih dari satu award pada masa-masa yang berlainan semasa prosiding timbangtara mengenai aspek-aspek yang berlainan bagi perkara-perkara yang akan diputuskan.

(2) Tribunal timbangtara boleh, secara khusus, membuat suatu award berkenaan dengan —

(a) suatu isu yang menyentuh keseluruhan tuntutan; atau

(b) hanya sebahagian dari tuntutan, tuntutan balas atau tuntutan silang, yang dikemukakan kepadanya untuk diputuskan.

(3) Jika tribunal timbangtara membuat suatu award di bawah bab ini, ia hendaklah menyatakan dalam awardnya, isu itu, tuntutan atau sebahagian dari suatu tuntutan, yang menjadi hal-perkara award itu.

Kesan award.

31. (1) Suatu award yang dibuat oleh tribunal timbangtara menurut suatu perjanjian timbangtara adalah muktamad dan terikat kepada pihak-pihak itu dan kepada mana-mana orang yang menuntut melalui atau di bawahnya dan boleh disandarkan oleh mana-mana pihak sebagai pembelaan, tolakan atau pun selainnya dalam sebarang prosiding dalam mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara-Perkara 33 dan 34(4) dari Undang-Undang Model, apabila suatu award dibuat, termasuk suatu award yang dibuat menurut bab 30, tribunal timbangtara tidak boleh mengubah, meminda, membetulkan, mengkaji semula, menambah atau membatalkan award itu.

(3) Bagi maksud-maksud cerai (2), suatu award dibuat apabila award itu telah ditandatangani dan diserahkan menurut Perkara 31 dari Undang-Undang Model.

(4) Bab ini tidaklah menjejaskan hak seseorang untuk mencabar award itu dengan sebarang proses rayuan atau kajian semula timbangtara yang tersedia ada atau menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini dan Undang-Undang Model.

Faedah ke atas award.

32. Jika suatu award mengarahkan supaya suatu jumlah wang dibayar, jumlah wang itu hendaklah, melainkan jika award itu mengarahkan selainnya, dikenakan faedah mulai dari tarikh award itu dan pada kadar yang sama dengan suatu hutang penghakiman.

Penetapan kos.

33. (1) Sebarang kos yang diarahkan oleh suatu award untuk dibayar hendaklah, melainkan jika award itu mengarahkan selainnya, ditetapkan oleh penimbangtara.

(2) Melainkan jika bayaran tribunal timbangtara telah ditetapkan dengan suatu persetujuan bertulis atau persetujuan tersebut telah mengadakan peruntukan bagi penentuan bayaran oleh seseorang atau sesebuah institusi yang dipersetujui oleh pihak-pihak itu, mana-mana pihak dalam timbangtara boleh menghendaki supaya bayaran tersebut ditetapkan oleh penimbangtara.

(3) Suatu perakuan yang ditandatangani oleh penimbangtara mengenai amaun kos atau bayaran yang ditetapkan hendaklah menjadi sebahagian dari award tribunal timbangtara.

(4) Ketua Hakim boleh, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, melantik mana-mana orang lain untuk menjalankan kuasa bagi menetapkan kos di bawah cerai (1).

Prosiding hendaklah didengar kecuali dalam mahkamah terbuka.

34. Prosiding di bawah Perintah ini dalam mana-mana mahkamah hendaklah, atas permohonan mana-mana pihak dalam prosiding itu, didengar kecuali dalam mahkamah terbuka.

Sekatan ke atas membuat laporan prosiding yang didengar kecuali dalam mahkamah terbuka.

35. (1) Bab ini hendaklah dikenakan kepada prosiding di bawah Perintah ini dalam mana-mana mahkamah yang didengar kecuali dalam mahkamah terbuka.

(2) Sesebuah mahkamah yang mendengar sebarang prosiding yang dikenakan bab ini hendaklah, atas permohonan mana-mana pihak dalam prosiding itu, memberi arahan tentang sama ada apa-apa maklumat dan, jika demikian, maklumat apa berhubung dengan prosiding boleh disiarkan.

(3) Sesebuah mahkamah tidak boleh memberi suatu arahan di bawah cerai (2) yang membenarkan maklumat disiarkan melainkan jika —

(a) semua pihak dalam prosiding itu bersetuju bahawa maklumat tersebut boleh disiarkan; atau

(b) mahkamah itu berpuashati bahawa maklumat tersebut, jika disiarkan menurut arahan sebagaimana yang mungkin diberikan olehnya, tidak akan mendedahkan apa-apa perkara, termasuk identiti mana-mana pihak dalam prosiding itu, bahawa mana-mana pihak dalam prosiding itu ingin dengan munasabah terus dirahsiakan.

(4) Dengan tidak menghiraukan cerai (3), jika sesebuah mahkamah memberi alasan keputusan bagi suatu penghakiman berkaitan dengan prosiding yang dikenakan bab ini dan berpendapat penghakiman itu mempunyai kepentingan undang-undang yang utama, mahkamah itu hendaklah mengarahkan bahawa laporan penghakiman itu boleh disiarkan dalam laporan undang-undang dan terbitan profesional tetapi, jika mana-mana pihak dalam prosiding itu ingin dengan munasabah menyembunyikan apa-apa perkara, termasuk fakta bahawa dia adalah pihak tersebut, mahkamah itu hendaklah —

(a) memberi arahan tentang tindakan yang akan diambil untuk menyembunyikan perkara itu dalam laporan tersebut; dan

(b) jika ia berpendapat bahawa suatu laporan yang disiarkan menurut arahan yang diberikan di bawah perenggan (a) mungkin mendedahkan perkara itu, mengarahkan bahawa tiada laporan boleh disiarkan sehingga selepas tamatnya tempoh tersebut, tidak melebihi 10 tahun, sebagaimana yang dianggapnya bersesuaian.

Mahkamah boleh mengetepikan award.

36. Dengan tidak menghiraukan Perkara 34(1) dari Undang-Undang Model, Mahkamah Tinggi boleh, selain dari alasan yang dinyatakan dalam Perkara 34(2) dari Undang-Undang Model, mengetepikan award tribunal timbangtara jika —

(a) pembuatan award itu telah didorong atau terjejas oleh penipuan atau rasuah; atau

(b) pelanggaran aturan-aturan keadilan asasi berlaku berhubung dengan pembuatan award yang telah menjejaskan hak mana-mana pihak.

Liabiliti penimbangtara.

37. Seseorang penimbangtara tidaklah bertanggungjawab terhadap —

(a) kecuaiannya berkaitan dengan apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan atas sifat penimbangtara; dan

(b) apa-apa kesilapan undang-undang, fakta atau prosedur yang dibuat semasa menjalankan prosiding timbangtara atau dalam membuat suatu award timbangtara.

Kekebalan pihak berkuasa yang melantik dan institusi timbangtara dll.

38. (1) Pihak berkuasa yang melantik, atau suatu institusi timbangtara atau institusi lain atau orang yang ditetapkan atau diminta oleh pihak-pihak itu untuk melantik atau menamakan seorang penimbangtara, tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dalam melaksanakan atau dikatakan dalam melaksanakan tugas itu melainkan jika perbuatan atau peninggalan itu dibuktikan telah dilakukan dengan niat jahat.

(2) Pihak berkuasa yang melantik, atau suatu institusi timbangtara atau institusi lain atau orang yang melantik atau menamakan seorang penimbangtara, tidaklah bertanggungjawab, hanya kerana telah melantik atau menamakannya, terhadap apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh

penimbangtara itu, pekerja atau ejennya dalam melaksanakan atau dikatakan dalam melaksanakan tugasnya sebagai penimbangtara.

(3) Bab ini hendaklah dikenakan kepada seseorang pekerja atau ejen pihak berkuasa yang melantik atau suatu institusi timbangtara atau institusi lain atau orang sebagaimana ia dikenakan kepada pihak berkuasa yang melantik, institusi atau orang itu sendiri.

Peruntukan-peruntukan peralihan bagi Bahagian ini.

39. (1) Bahagian ini tidak boleh dikenakan berkenaan dengan suatu timbangtara antarabangsa di antara pihak-pihak dalam suatu perjanjian timbangtara yang dimulakan sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini melainkan jika pihak-pihak itu telah (sama ada dalam perjanjian itu atau dalam sebarang dokumen bertulis lain) bersetuju selainnya.

(2) Tertakluk kepada cerai (1), jika prosiding timbangtara dimulakan sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini, undang-undang yang mengawal perjanjian timbangtara dan timbangtara itu adalah undang-undang yang sepatutnya dikenakan jika Perintah ini belum dibuat.

(3) Dalam sebarang undang-undang bertulis, perjanjian bertulis atau dokumen lain, suatu sebutan kepada timbangtara di bawah Perintah Timbangtara, 2009 hendaklah, setakat mana yang berkaitan dan melainkan jika terdapat tujuan yang bertentangan, ditafsirkan sebagai termasuk suatu sebutan kepada timbangtara di bawah Perintah ini.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini, prosiding timbangtara akan dianggap sebagai telah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh responden menerima suatu permintaan bagi pertikaian itu dirujuk kepada timbangtara, atau, jika pihak-pihak itu telah bersetuju secara bertulis bahawa mana-mana tarikh lain akan dianggap sebagai tarikh bermulanya prosiding timbangtara, maka pada tarikh itu.

(5) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menjejaskan sebarang prosiding berkenaan dengan timbangtara yang telah dimulakan dalam mana-mana mahkamah sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini.

BAHAGIAN III

AWARD ASING

Tafsiran Bahagian III.

40. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"award timbangtara" mempunyai makna sama seperti dalam Konvensyen;

"perjanjian timbangtara" bermakna suatu jenis perjanjian secara bertulis yang disebut dalam perenggan 1 Perkara II dari Konvensyen;

"Konvensyen" bermakna Konvensyen mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing yang diterima-pakai pada 1958 oleh Persidangan mengenai Timbangtara Komersil Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu dalam mesyuaratnya yang kedua puluh empat, naskhahnya dalam bahasa Inggeris dinyatakan dalam Jadual Kedua;

"negara Konvensyen" bermakna sesebuah negara (selain dari Negara Brunei Darussalam) yang merupakan Negara Pejanji dalam makna Konvensyen;

"mahkamah" bermakna Mahkamah Tinggi;

"award asing" bermakna suatu award asing yang dibuat menurut suatu perjanjian timbangtara dalam wilayah sesebuah negara Konvensyen selain Negara Brunei Darussalam;

"perjanjian bertulis" termasuk suatu perjanjian yang terkandung dalam pertukaran surat, telegram, telefaksimile atau dalam suatu perhubungan dengan teleprinter.

(2) Dalam Bahagian ini, jika konteksnya membenarkan demikian, "penguatkuasaan", berkenaan dengan suatu award asing, termasuk pengiktirafan award itu sebagai mengikat bagi sebarang tujuan.

(3) Bagi maksud-maksud Bahagian ini, suatu badan korporat hendaklah dianggap sebagai biasanya bermastautin di sesebuah negara atau wilayah jika badan korporat itu diperbadankan atau mempunyai tempat perniagaannya yang utama di negara atau wilayah itu.

Pengenalan Bahagian III.

41. (1) Bahagian ini hendaklah dikenakan kepada perjanjian timbangtara yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini sebagaimana ia dikenakan kepada perjanjian timbangtara yang dibuat pada atau selepas tarikh itu.

(2) Bahagian ini tidak boleh dikenakan kepada award asing yang dibuat sebelum 23 Oktober, 1996.

Pengiktirafan dan penguatkuasaan award asing.

42. (1) Negara Brunei Darussalam hanya akan mengenakan Konvensyen untuk mengiktiraf dan menguatkuasakan award asing yang dibuat dalam wilayah negara Konvensyen lain yang mengiktiraf dan akan menguatkuasakan award yang dibuat di Negara Brunei Darussalam.

(2) Tertakluk kepada Bahagian ini, suatu award asing boleh dikuatkuasakan dalam sesebuah mahkamah sama ada melalui tindakan atau mengikut cara yang sama dengan suatu award penimbangtara yang dibuat di Negara Brunei Darussalam adalah boleh dikuatkuasakan di bawah bab 31.

(3) Sebarang award asing yang boleh dikuatkuasakan di bawah cerai (1) hendaklah diiktiraf sebagai terikat bagi segala maksud kepada orang-orang yang di antara mereka award asing itu dibuat dan boleh disandarkan dengan sewajarnya oleh mana-mana pihak itu sebagai pembelaan, tolakan atau pun selainnya dalam sebarang prosiding undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

Keterangan.

43. (1) Dalam sebarang prosiding di mana seseorang itu bertujuan untuk menguatkuasakan suatu award asing menurut Bahagian ini, dia hendaklah mengemukakan kepada mahkamah —

(a) award asal yang sempurna disahkan atau satu salinannya yang sempurna diperakui;

(b) perjanjian timbangtara asal yang di bawahnya award itu dikatakan telah dibuat, atau satu salinannya yang sempurna diperakui; dan

(c) jika award atau perjanjian itu adalah dalam suatu bahasa asing, terjemahannya dalam bahasa Inggeris, yang sempurna diperakui dalam bahasa Inggeris sebagai terjemahan yang betul oleh seorang penterjemah bersumpah atau penterjemah rasmi atau oleh seorang wakil diplomatik atau wakil konsul di negara di mana award itu dibuat.

(2) Suatu dokumen yang dikemukakan kepada sesebuah mahkamah menurut bab ini hendaklah, apabila dikemukakan sahaja, diterima oleh mahkamah itu sebagai keterangan *prima facie* mengenai perkara-perkara yang disebut dalam dokumen itu.

Penolakan penguatkuasaan.

44. (1) Dalam sebarang prosiding di mana penguatkuasaan suatu award asing dipohonkan menurut Bahagian ini, pihak yang terhadapnya penguatkuasaan itu dipohonkan boleh meminta supaya penguatkuasaan itu ditolak, dan penguatkuasaan dalam sebarang hal yang disebutkan dalam cerai-an-cerai-an (2) dan (4) boleh ditolak tetapi tidak dengan cara lain.

(2) Sesebuah mahkamah yang diminta itu boleh menolak penguatkuasaan suatu award asing jika orang yang terhadapnya penguatkuasaan itu dipohonkan membuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah itu bahawa —

(a) suatu pihak dalam perjanjian timbangtara yang menurutnya award itu dibuat berada, di bawah undang-undang yang dikenakan kepadanya, dalam sesuatu ketiadaupayaan pada masa apabila perjanjian itu dibuat;

(b) perjanjian timbangtara tidak sah di bawah undang-undang yang kepadanya pihak-pihak itu tertakluk atau, sekiranya apa-apa tanda tidak ada dalam hal itu, di bawah undang-undang negara di mana award itu dibuat;

(c) dia tidak diberikan notis yang sepatutnya mengenai lantikan penimbangtara atau prosiding timbangtara atau pun selainnya tidak berupaya mengemukakan kesnya dalam prosiding timbangtara;

(d) tertakluk kepada cerai-an (3), award itu berhubungan dengan suatu perselisihan yang tidak dijangkakan oleh, atau tidak termasuk di bawah terma-terma, pengemukaan kepada timbangtara atau mengandungi suatu keputusan mengenai perkara di luar skop pengemukaan kepada timbangtara;

(e) komposisi pihak berkuasa timbangtara atau prosedur timbangtara tidak menurut perjanjian pihak-pihak itu atau, sekiranya perjanjian itu tidak ada, tidak menurut undang-undang negara di mana timbangtara itu dijalankan; atau

(f) award itu belum lagi menjadi terikat kepada pihak-pihak dalam award timbangtara atau telah diketepikan atau digantung oleh pihak berkuasa yang layak di negara di mana, atau yang di bawah undang-undangannya, award itu dibuat.

